



Hujung Minggu

قليتا بروني

PELITA BRUNEI

Membudayakan Masyarakat Bermahlumat

MANISNYA IMAN مانيسن ايمان

"DAN jika kamu menghitung nikmat Allah tentulah kamu tidak dapat menghitung banyaknya. Sesungguhnya Allah adalah Maha Pengampun lagi Maha Pengasih".  
- Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam Surah an-Nahl, ayat 18.

WAKTU SEMBAHYANG IMSAK 5.07 | SUBUH 5.17 | SYURUK 6.36 | DUHA 6.59 | ZUHUR 12.36 | ASAR 3.56 | MAGHRIB 6.33 | ISYAK 7.44 Daerah Belat ditambah 3 minit Daerah Tulong ditambah 1 minit

TAHUN 68 BILANGAN 18 11 FEBRUARI 2023 / 1444 رجب 20 JABATAN PENERANGAN EDISI SABTU / PERCUMA

# Persediaan, perancangan penganjuran KAIB Ke-14 dibincangkan



DEKAN Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), selaku wakil Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), semasa menyertai sesi gambar ramai bersama Rektor-rektor dan wakil-wakil Rektor Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di rantau Borneo pada mesyuarat berkenaan.

JAKARTA, INDONESIA, Khamis, 9 Februari. - Dekan Fakulti Pengurusan Pembangunan Islam (FPPI), Muhammed Sahrin bin Haji Masri selaku wakil Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), menghadiri mesyuarat pertama bagi membincangkan beberapa perkara yang berkaitan dengan persediaan dan perancangan penganjuran Konferensi Antarabangsa Islam Borneo (KAIB) Ke-14.

Mesyuarat berkenaan diadakan pada Sabtu, 4 Februari 2023 bertempat di Malaysian Hall, Jakarta Indonesia.

Mesyuarat berkenaan turut dihadiri oleh Rektor-rektor dan wakil-wakil Rektor Institusi Pengajian Tinggi (IPT) di rantau Borneo.

Mesyuarat dipengerusikan bersama oleh Rektor UiTM Sarawak, Yang Berbahagia Profesor Datuk Dr. Jamil Hamali;

## ■ Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

dan Rektor Universitas Mulawarman (UNMUL) Samarinda, Kalimantan Timur, Republik Indonesia, Yang Terhormat Dr. Ir. H. Abdunnur., M.Si, selaku tuan rumah KAIB Ke-14.

Mesyuarat berkenaan banyak memberi maklumat daripada persepakatan para ahli bagi memastikan KAIB Ke-14 dapat dijalankan dengan jayanya seperti yang dirancang.

Mesyuarat berkenaan adalah salah satu usaha bagi memastikan objektif penganjuran KAIB dapat dicapai dan direalisasikan sama ada dari sudut pengumpulan bahan ilmiah yang berkaitan dengan perkembangan Islam, sosiobudaya, ekonomi dan politik sebagai rujukan pada masa hadapan serta dapat menyediakan wadah diskusi tentang pelbagai

perkara yang berkaitan dengan peranan dan sumbangan institusi Islam serta pelbagai isu lain yang berkaitan termasuk mengumpulkan hasil tulisan yang berkaitan dengan manuskrip wilayah Nusantara khususnya di Kepulauan Borneo ini.

Konferensi berkenaan dihasratkan membawa impak yang besar kepada pembangunan Islam dan menjadikannya sebagai platform berterusan wacana ilmu serta membangun penyelidikan keislaman dalam pelbagai disiplin ilmu dengan mewujudkan *networking* antara provinsi di Kalimantan dengan Sarawak, Sabah dan Negara Brunei Darussalam (NBD).

Dan seterusnya memberikan impak kepada negara khususnya dalam hasrat bagi pengantarabangsaan UNISSA.